

TARIKH : 26/1/2023
SURAT KHABAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11

Tempat tinggal ratusan pekerja warga asing di tiga kilang kayu dan getah yang serba daif dan kotor terbongkar

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
KLANG

Ratusan pekerja warga asing di tiga kilang produk kayu dan getah di Jalan Kapar di sini yang tinggal dalam penginapan daif dan kotor, malah nyawa mereka mungkin terancam jika keadaan tersebut berterusan.

Situasi itu terbongkar selepas Kementerian Sumber Manusia (KSM) diketuai Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar mengadakan Operasi Bersepadu Khas Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) pada Rabu.

Sivakumar berkata, ketiga-tiga premis yang diperiksa merupakan kilang dalam sektor pembuatan berasaskan produk kayu dan juga getah serta ber-

operasi dengan tenaga kerja tempatan seramai 44 orang dan pekerja asing 526 orang.

Menurutnya, pekerja asing terbabit terdiri daripada warga Nepal, Bangladesh dan Myanmar, namun ketiga-tiga premis berkenaan tidak mempunyai Perakuan Penginapan dalam menyediakan kemudahan penginapan kepada pekerja.

Malah beliau berkata, dua daripada premis kilang tidak mempunyai rekod permohonan perakuan penginapan kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) manakala satu lagi telah membuat permohonan namun dibatalkan kerana tidak mengikut standard digariskan JTKSM serta tidak memperoleh kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Apabila kita menyediakan tempat penginapan itu kita sediakan tempat yang sesuai untuk mereka jangan buat (penginapan) seperti kandang lembu atau kan-

'Penginapan pekerja asing macam kandang lembu'



FOTO: BERNAMA

Sivakumar (tengah) bersama JTKSM melawat asrama pekerja warga asing ketika mengadakan Operasi Bersepadu Akta 446 di kawasan perindustrian Aman Perdana, Meru, Klang pada Rabu.

dang kerbau kerbau itu membahayakan pekerja-pekerja asing seterusnya akan menjadi satu isu yang besar jika sesuatu musibah berlaku," katanya ketika ditemui pemberita pada Rabu.

Dalam pada itu, beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati majikan-majikan terbabit melakukan beberapa kesalahan di bawah akta yang dikuatkuasaan JTKSM antaranya Seksyen

24D Akta 446 iaitu tiada Perakuan Penginapan dan juga kesalahan di bawah Peraturan 3 dan 4 akta sama.

Menurut beliau, ketiga-tiga majikan juga didapati melakukan kesalahan di bawah akta yang dikuatkuasakan oleh JKPP dengan 10 kesalahan antaranya jentera boiler tiada sijil sah dan majikan juga didapati tidak mencarum di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Kesalahan-kesalahan yang dikesan akan diambil tindakan selaras dengan peruntukan di bawah bidang kuasa jabatan dan agensi masing-masing," katanya.

Sivakumar menambah, penguatkuasaan berkenaan adalah amat penting bagi memastikan kepatuhan majikan adalah berterusan tidak kira dalam apa juga sektor tanpa sebarang kompromi demi memastikan kebijakan para pekerja dipelihara dan keharmonian perburuhan negara terus dikekalkan.